



**EPIC** A Member of EPIC GROUP

# MEMO

**KEPADА :** SEMUA PENYEWA  
**DARIPADA :** JABATAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN DAN PEMBANGUNAN (ESD)  
**TARIKH :** 9HB JULAI 2023  
**TAJUK :** PERUBAHAN KADAR *IMBALANCE COST PASS-THROUGH (ICPT)* DARIPADA BIL ELEKTRIK

Merujuk kepada perkara di atas, Suruhanjaya Tenaga telah membuat perubahan tarif ICPT di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 1 Julai 2023 hingga 31 Disember 2023. Perubahan tariff adalah seperti berikut:-

NO	KETERANGAN	KADAR ASAL	KADAR SEMASA
1	KADAR <i>IMBALANCE COST PASS-THROUGH (ICPT)</i>	SURCAJ 20.0 sen/kWj	SURCAJ 17.0 sen/kWj

Sehubungan dengan itu, pihak pengurusan Pangkalan Bekalan Kemaman Sdn Bhd (PBKSB) telah membuat keputusan untuk menukar kadar caj ICPT daripada surcaj 20.0 sen/kWj kepada surcaj 17.0 sen/kWj terhadap jumlah bil elektrik bagi semua penyewa berikutnya perubahan kadar tersebut. Kadar baharu ini akan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2023 sehingga 31 Disember 2023.

Untuk maklumat lanjut, tuan/puan boleh melayari laman web Suruhanjaya Tenaga di <http://www.st.gov.my/>.

Sekian, harap maklum.

**"TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA"**

Yang benar,  
Untuk dan bagi pihak  
**PANGKALAN BEKALAN KEMAMAN SDN. BHD. (69363-D)**

  
**HISHAMUDDIN BIN RAMLI**  
Pengurus Kanan  
Maintenance & Engineering, PBKSS

s.k      *Property Department, PBKSB*



**PANGKALAN BEKALAN KEMAMAN SDN BHD (69363-D)**  
P.O. Box 64, Kemaman Supply Base, 24007 Kemaman, Terengganu.  
Tel : +609-860 2222 Fax : +609-863 1716  
Website : [www.epicgroup.com.my](http://www.epicgroup.com.my)



CERTIFIED TO OHSAS 18001 : 2007  
CERT. NO. : SR 0213



CERTIFIED TO ISO 14001 : 2004  
CERT. NO. : ER 0299



Ruj. Fail : ST(IP/JKSE/HE) 16/2/2 Jld.4 ( 1 )  
Tarikh : 23 Julai 2023

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,  
62100 Putrajaya, Malaysia.  
T : +603 8870 8870 F : +603 8888 8633  
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

Ketua Pegawai Eksekutif / Chief Executive Officer



## **SENARAI SEPERTI DI EDARAN**

YBhg Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

### **KEPUTUSAN KERAJAAN BERKAITAN CADANGAN PELARASAN TARIF ELEKTRIK DI SEMENANJUNG DI BAWAH MEKANISME *IMBALANCE COST PASS-THROUGH* BAGI TEMPOH 1 JULAI HINGGA 31 DISEMBER 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan pengumuman media oleh YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim pada 23 Jun 2023 yang lalu, Kerajaan telah memutuskan supaya pelarasan tarif elektrik bagi pengguna di Semenanjung untuk tempoh 1 Julai 2023 hingga 31 Disember 2023 dilaksanakan secara bersasar, seperti berikut:

- (a) pengguna domestik (tarif A) dengan unit penggunaan elektrik sebanyak 1,500 kWj dan ke bawah akan kekal menerima rebat 2 sen/kWj;
- (b) pengguna domestik (tarif A) dengan unit penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj akan dikenakan surcaj 10.00 sen/kWj;
- (c) pengguna bukan domestik dalam kategori tarif komersial dan perindustrian voltan rendah (tarif B dan D) akan kekal surcaj pada kadar 3.70 sen/kWj;
- (d) pengguna bukan domestik dalam kategori tarif pertanian spesifik (tarif H, H1 dan H2) akan kekal surcaj pada kadar 3.70 sen/kWj;

- (e) pengguna bukan domestik yang terdiri daripada operator air dan pembetungan akan mengalami penurunan kadar surcaj daripada 20sen/kWj kepada 3.70sen/kWj;
- (f) pengguna bukan domestik selain daripada kategori dalam sub perenggan (c), (d) dan (e) di atas, akan mengalami penurunan kadar surcaj daripada 20 sen/kWj kepada 17 sen/kWj; dan
- (g) Kerajaan akan memperuntukkan subsidi bagi pemberian rebat dan tanggungan kos surcaj ICPT yang akan ditampung melalui dana Kementerian Kewangan (MOF).

3. Dengan hasrat untuk memastikan asas keputusan Kerajaan mengenai pelaksanaan surcaj ICPT pada kali ini dapat difahami oleh semua pengguna dengan berkesan, pihak pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP) dikehendaki untuk melaksanakan pelan komunikasi secara meluas selaras dengan Subseksyen 26(4) Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE 1990). Ini adalah termasuk dalam memastikan aduan dan rayuan pengguna ditadbir urus dengan baik sehingga diselesaikan di peringkat pihak pemegang LAP.

4. Dalam pada itu, merujuk kepada perenggan 2 di atas, pemegang LAP yang mempunyai pengguna dari kategori domestik atau bukan domestik seperti yang diputuskan di perenggan 2(a) hingga 2(e), boleh membuat tuntutan subsidi kepada Kerajaan bagi tampungan kos ICPT tersebut dengan merujuk kepada proses tuntutan tampungan kos ICPT seperti di **Lampiran 1**.

5. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan dimohon untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan kesemua keputusan Kerajaan seperti di perenggan 2 dan 3 berdasarkan peruntukan undang-undang dan peraturan sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

6. Sekiranya surat ini telah diterima, pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan diminta untuk mengisi borang akuan penerimaan dan pematuhan oleh pemegang LAP seperti di **Lampiran 2** dan mengemukakan kembali borang tersebut kepada pihak Suruhanjaya Tenaga dalam tempoh 10 hari bekerja daripada tarikh surat ini dengan dialamatkan kepada:

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Tenaga  
No. 12, Jalan Tun Hussein  
Presint 2  
62100 Putrajaya  
**(u/p: Pn. Suriza Saad)**  
No. Telefon: 03-8870 8586  
Emel: suriza@st.gov.my

7. Di atas perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan mengenai perkara ini, Suruhanjaya Tenaga mengucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.



**(DATO' IR. TS. ABDUL RAZIB DAWOOD)**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Tenaga  
SKP/NH/UHE/JKSE

**Edaran dalaman:**

YBrs. KPO